

PURINA®
Fancy Feast

MANJA SAMPAI ATAS KATIL

Pandarudin jadi teman Yana sejak kecil turut jadi kesayangan suami

Faizatul Farin Farush Khan
ffarin@hmetro.com.my

Melihat aksi kucing campuran baka Bengal dan Siam milik pelakon Yana Samsudin, yang sungguh lincah, mampu membuatkan sesiapa saja terhibur.

Apabila diamati, kucing yang diberi nama Pandarudin itu memiliki sifat ingin tahu yang tinggi, malah kelihatan begitu bijak ketika dipujuk untuk bergambar.

Setiap kali lensa kamera diacu ke arahnya, dengan pantas kucing jantan yang berusia 16 bulan itu menyorokkan diri di bawah sofa.

Namun selepas dipujuk beberapa kali dengan bola kertas dan makanan kucing, selain diajak bersiar-siar ke taman, barulah ia 'setuju' untuk bekerjasama.



HANYA mahu bergambar selepas dipujuk dengan makanan kucing.

dan Fan Page yang memaparkan keletah kucing itu.

Setiap dua minggu Yana akan membawa Pandarudin dan 19 lagi kucing miliknya bersiar-siar ke taman dan dibiarkan bebas berlari, memanjat pokok serta bermain-main sesama mereka selama dua jam.

Itu adalah antara saat manis yang sering dikongsi selebriti itu dengan haiwan peliharaannya.

Malah, jika ada yang enggan pulang ke rumah pada hari sama, Yana akan membiarkan mereka terus bermain di taman dan hanya akan datang semula keesokan paginya untuk mengambil mereka.

"Saya percaya kucing perlu diberi kesempatan untuk merasai sifat liar yang ada dalam diri mereka dan saya gembira

Bercakap mengenai haiwan kesayangannya itu, Yana berkata, kucing berkenaan sudah bersamanya sejak kecil memandangkan ia lahir daripada seekor kucing baka Bengal yang dibelanya.

Kata Yana, kelahiran kucing itu pada mulanya mengejutkan dia apabila ia lebih mirip kepada kucing baka Siam.

"Apa yang berlaku adalah saya tinggalkan ibu kucing ini di klinik kira-kira sebulan dan bila pulang, ia sudah bunting.

"Mungkin ia berkawan dengan kucing Siam yang ada di situ," katanya sambil ceria melayan kerenah Pandarudin.

Menurutnya, kucing itu sungguh manja dan akan tidur bersama-samanya di atas katil setiap malam dan setiap kali memeluknya, Yana dapat berasakan seolah-olah segala tekanan hilang dan berasa lebih tenteram.

Mengakui lebih gemarkan kucing yang lincah, katanya, biarpun rupa Pandarudin kelihatan lebih kepada baka Siam, tetapi sifatnya yang tangkas mirip kepada jenis Bengal.

Kucing berkenaan turut menjadi kesayangan suaminya, Fadzil Zahari, yang gemar membelai dan bergurau dengan

Pandarudin, malah nama itu turut diberikannya, berbanding hanya Panda sebelum ini.

Percaya setiap makhluk di dunia mempunyai hak untuk disayangi, Yana berkata, dia mula memiliki kucing sendiri pada usia 15 tahun, selepas menjumpai seekor anak kucing di tepi longkang sebelum dibawa pulang ke rumah.

"Disebabkan bimbang dimarahi oleh keluarga kerana ketika itu kami sudah ada banyak kucing jenis Parsi, saya menyoroknya di bilik kira-kira seminggu.

"Kucing yang diberi nama Oyen itu kemudiannya bersama saya selama empat tahun. Selepas itu saya tidak membela kucing sehinggalah usia saya 20 tahun.

"Saya kemudiannya membela sepasang kucing Bengal dan daripada mereka, sehingga kini saya memiliki 20 ekor kucing termasuk Pandarudin," katanya yang mengakui boleh menangis sehari-hari sekiranya kehilangan satu daripada kucingnya.

Kasih sayang pasangan itu terhadap Pandarudin jelas terpancar apabila Fadzil turut membuka akaun Instagram



PANDARUDIN kucing yang sangat manja, tetapi lincah.

bila melihat mereka seronok bermain serta lincah.

"Jika berjauhan kerana memiliki komitmen kerja, saya pasti akan sangat merindui Pandarudin dan meminta ahli keluarga menghantar gambarnya setiap hari kepada saya," katanya.

Memastikan kucing kesayangan anda sentiasa mendapat khasiat secukupnya, produk makanan kucing, Fancy Feast menyediakan snek lima bintang diilhamkan daripada cef hidangan gourmet.

Menampilkan potongan kecil ikan atau daging yang dimasak empuk, produk itu turut digabungkan dengan sayuran, nasi dan pasta bagi menawarkan tekstur dan rasa yang menyelerakan.

Ia boleh didapati dalam empat varian iaitu Tuna, Courgette & Wholegrain Rice; Salmon, Spinach, Courgette & Green Beans; Chicken, Pasta Pearls & Spinach dan Beef, Courgette & Tomato.

Dijual pada harga serendah RM3.39 setiap pek, ia boleh didapati di semua pasar raya utama dan kedai haiwan peliharaan. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman www.fancyfeast.com.my.